



# MANHAJ SHAYKH NAWAWI AL-BANTENI DALAM MENSYARAHKAN HADIS-HADIS KITAB NASA'IH AL-'IBAD

(The Methodology of Syaikh Nawawi al-Banteni in his Exegesis of Hadis in *Nasa'ih al-'Ibad*)

Arwansyah bin Kirin<sup>1</sup>, Faisal Husen Ismail<sup>2</sup>, Muhammad Ikram bin Abu Hassan<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Johor (UTHM), <sup>3</sup>International Islamic University Malaysia (IIUM)

## Abstract

Shaykh Nawawi al-Bantani is an Islamic scholar who produces various famous works in the Malay archipelago, especially in Indonesia. Among his famous works is the book *Nasa'ih al-'Ibad* is one of the interprets or reviews from the book *al-Munabbahat 'Ala al-'Isti'dad Li Yaum al-Ma'ad* by Ibn Hajar al-Asqalani. This book became a reference in some Indonesian Boarding Schools. In addition, it is also used as a study material in certain mosques. However, in-depth study of the method of hadith interpretation in the book is rarely observed by users of the book. Therefore, it is important to explain the method of hadith interpretation found in this book so that its status can be known as well as to measure the extent of its knowledge in the hadith. This study aims to explore the method of hadith interpretation conducted by Shaykh Nawawi al-Bantani in the book *Nasa'ih al-'Ibad*. The purpose of this study is to determine and analyze the method of hadith interpretation used by Shaykh Nawawi al-Bantani and reveal the extent of his knowledge and status as a scholar of hadis through the book *Nasa'ih al-'Ibad*. The methodology of this study is qualitative through library methods and content analysis design of *Nasa'ih al-'Ibad* book. This study found that in general the method used by Shaykh Nawawi al-Bantani in interpreting hadith is by using the method of Ijmali. In its application, he uses textual interpretation techniques through the method of interpreting hadith according to the original material or text of hadith, and intertextual through the method of explaining the differences of material in hadith interpretate, reciting hadith with hadith, reciting hadith with the words of scholars, reciting hadith with Arabic poetry. This study found that Shaykh Nawawi al-Bantani had good ability and knowledge in hadith. Apart from that, it can also provide an understanding to the community about the method of hadith interpretate performed by Shaykh Nawawi al-Bantani in his book *Nasa'ih al-'Ibad*.

**Kata Kunci:** Shaykh Nawawi al-Bantani, *Nasa'ih al-'Ibad*, Manhaj, Hadith Interpretation, Archipelago.

## Article Progress

Received: 23 January 2022

Revised: 10 March 2022

Accepted: 2 April 2022

\*Corresponding Author:  
Muhammad Ikram bin Abu Hassan.

International Islamic University Malaysia (IIUM)

Email:  
[ikramhassan@iium.edu.my](mailto:ikramhassan@iium.edu.my)

## PENGENALAN

Hadis yang dikenali sebagai ucapan, amalan, ketetapan dan hal ehwal Nabi SAW merupakan sumber ajaran Islam selepas al-Quran (Nizar Ali, 2011 : 1). Usaha dalam melestarikan kesahihan hadis telah dilakukan pada zaman sahabat dengan cara konfirmasi (Muhammad Mustafa al-Azami, 1995 : 71). Hal ini bukan kerana mereka tidak percaya kepada perawi namun ingin memastikan bahawa hadis itu benar-benar datang daripada baginda Nabi SAW. Selepas Nabi SAW meninggal dunia para sahabat bertanya kepada mereka yang hadir menyaksikan dan mendengar kewujudan hadis tersebut (Siti Aisyah, 2011 : 21-23). Pada masa itu para sahabat mengajarkan hadis secara lisan dengan hafalan mereka. Namun pencatatan hadis tetap dilakukan. Buktinya, banyak terdapat sahifah-sahifah walaupun hanya tujuan pengumpulannya asalnya adalah bagi keperluan peribadi (Sayyid Munadir Ahsan al-Kailani, 2004 : 210). Sejarah telah mencatatkan adanya penulisan hadis pada zaman sahabat, begitu juga halnya pada masa tabiin. Mereka telah berusaha bermusafir mencari hadis kemerata tempat dan menanyakannya kepada para sahabat yang telah tersebar berkelana dipelbagai buah negara (Siti Aisyah, 2011 : 35). Perjalanan hadis berikutnya sebelum dilakukan pencatatan yang sempurna melalui period pemalsuan hadis yang dilakukan oleh pelbagai entiti dan untuk pelbagai tujuan dan kepentingan (Ahmad Amin, 1969 :

210-211). Aktiviti menghimpun hadis secara rasmi baru dapat dilakukan pada penghujung abad 1H atas kebijaksanaan khalifah Umar bin Abd al-Aziz (Muhammad Abu Zahwi, 1984 : 244), dengan melakukan perjalanan yang cukup jauh serta menghubungi para periyat hadis yang tersebar ke merata daerah dan meneliti identiti periyat secara terperinci. Perjalanan perkembangan hadis melewati masa yang cukup panjang dari abad ke abad, hingga pada abad ke 7H. Seterusnya para ulama berusaha menghimpun hadis yang mempunyai tema yang sama kandungannya dalam suatu kitab. Disamping itu mereka mentashihkan, mensyarahkan dan meringkaskan kitab-kitab hadis yang telah disusun oleh ulama sebelumnya. Daripada itu muncullah kitab-kitab hadis hukum seperti *Sunan al-Kubra* karya Abu Bakar Ahmad bin Husain Ali al-Bayhaqi, *Muntaqa al-Akhbar* karya Majd al-Din al-Harani dan kitab-kitab hadis *Targhib wa Tarhib* dan kitab-kitab lainnya (Yusuf al-Qaradawi, 1996 : 8). Di antara kitab-kitab yang mengulas dan membincangkan aspek *Targhib wa Tarhib* di Nusantara ini adalah kitab *Nasa'ih al-'Ibad* karya Shaykh Nawawi al-Banten. Shaykh Nawawi al-Banten merupakan seorang ulama terkemuka di Nusantara. Beliau turut dikenali sebagai mufassir, pemikir dan fakih dalam bidang keilmuan Islam. selain itu beliau mempunyai kepakaran dalam bidang hadis. Beliau telah banyak memberikan sumbangan keilmuan yang besar kepada perkembangan hadis khususnya dan keilmuan agama Islam umumnya di Nusantara (Ishak Haji Sulaiman, 1999 : 1-20). Dapat kita ketahui bahawa pengkajian hadis di Nusantara belum mendapat perhatian yang besar sebagaimana dilakukan kepada ilmu-ilmu keislaman lain seperti ilmu fekah mahupun usul fekah. Walau bagaimanapun dalam beberapa waktu terakhir, perhatian kepada kajian hadis dari sudut sanad, matan, dan ulum al-Hadis semakin bertambah baik selari dengan keperluan menjaga sumber-sumber rujukan utama Islam. Para ulama Nusantara telah mampu mengisi lompong ini dengan baik di antaranya Shaykh Nawawi al-Banten yang sudah memberikan sumbangan besar berkaitan hadis melalui karyanya *Nasa'ih al-'Ibad*. Malahan perbincangan hadis telah menjadi fenomena sejak kebelakangan ini, ianya semakin rancak berkembang secara formal mahupun tidak formal. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk mengulas manhaj syarahan hadis dalam karya utama beliau iaitu *Nasa'ih al-'Ibad*. Ini bertujuan untuk melihat manhaj syarahan hadis pada zaman mereka ke atas sumbangan perkembangan ilmu hadis.

## LATAR BELAKANG PENGARANG

Di dunia Islam begitu juga di Nusantara sangat kaya dengan ulama, ilmuan, cendekiawan dan intelektual dalam pelbagai bidang. Sumbangan mereka dalam ilmu pengetahuan sangat besar terhadap ummat Islam dari dulu hingga sekarang sehingga dapat menyuburkan suasana pengajian ilmu di Nusantara ini. Di antaranya yang terkenal ialah Shaykh Nawawi al-Banten nama aslinya adalah Muhammad bin 'Umar bin 'Arabi bin 'Ali. Beliau terkenal dengan nama Muhammad Nawawi Shaykh al-Jawi al-Banten (Yusuf 'Allan Sarkis, t.th : 1881). Di Indonesia beliau dikenali dengan panggilan K.H Nawawi Putra Banten (Karel, S.A, 1984 : 117). Shaykh Nawawi dilahirkan pada tahun 1230 H/1813 M di kampung Tanara, Serang, Kecamatan Tirtayasa Kabupaten Banten, Jawa Barat Indonesia (Chaidar, 1978 : 5). Beliau meninggal dunia dalam usia 84 tahun iaitu pada 24 Syawal 1314 H/1897 M di tempat tinggalnya yang terakhir di Shi'ib 'Ali Makkah (Rafi'uddin Ramli, t.th : 7). Shaykh Nawawi al-Banten adalah seorang tokoh ulama terkemuka, yang dipuji oleh Snouck Hurgronje sebagai penduduk setempat yang sangat rendah hati, seorang ilmuan pada masanya, dan penulis yang produktif dalam pelbagai disiplin ilmu. Bahkan hari ini, banyak bukunya dipelajari di pesantren Indonesia dan wilayah Nusantara lainnya.

Menurut satu sumber, Shaykh Nawawi al-Banten telah berjaya menghasilkan 99 buah karya tulis, manakala menurut sumber lain menyatakan bahawa hasil karya beliau mencapai 115 buah yang mencakupi pelbagai bidang disiplin ilmu (Ensiklopedia Islam, 1994 : 24). Di Indonesia, karya-karya Shaykh Nawawi al-Banten boleh didapati dipelbagai kedai buku yang ada di kota-kota (Ensiklopedia Islam, 1994 : 59-65). Berdasarkan hasil penelitian yang dilakukan oleh Martin Van Bruinessen ke beberapa pesantren di Indonesia, bahawa Shaykh Nawawi al-Banten menulis tidak kurang daripada 40 buku, ianya masih banyak diguna pakai sebagai materi pembelajaran di pesantren Indonesia (Bruinesen, Martin Van, 1415/1995 : 239). Di samping itu, tidak kurang daripada 22 buah hasil karya Nawawi al-Banten masih tersebar secara meluas, manakala 11 buah kitab karyanya adalah termasuk dalam kumpulan 100 kitab yang paling banyak digunakan di pesantren (Bruinesen, Martin Van, 1415/1995 : 38). A.H Johns mendapati bahawa kesemua hasil karya beliau adalah dalam bahasa Arab yang sederhana. Hal ini mungkin karena ia sesuai dengan tahap kemampuan masyarakat Nusantara dalam memahami bahasa Arab, selain itu kitab-kitab beliau banyak digunakan di Nusantara (Johns, A.H, t.th : 3). Karya-karya Shaykh Nawawi al-Banten juga di pelajari di sekolah-sekolah agama Mindanou (Filipina Selatan) dan Thailand Selatan. Menurut Ray Salam T. Mangondaan, peneliti di Institute Studi Islam University of Philipines, karya Shaykh Nawawi al-Banten banyak dipelajari di sekolah agama Filipina Selatan yang masih menggunakan sistem pembelajaran Tradisional (Agus Sutopo, 2008 : 53). Keunggulan Shaykh Nawawi al-Banten tidak hanya diakui di negaranya tetapi juga di dunia Arab. Dia dikenal melalui karyanya dalam bahasa Arab di pelbagai disiplin ilmu. Melalui karya-karyanya yang tersebar luas, maka nama Shaykh Nawawi al-Banten termasuk dalam kategori ulama terkenal pada abad 14 H / 19 Masehi. Dia digelari sebagai *al-Imam Muhaqqiq wa Fahmu Mudaqqiq* dan

digelari juga sebagai *Imam Nawawi al-Tsani* (Asnawi, 1989 : 38). Gelaran-gelaran lain yang diberikan kepada beliau ialah *Ulama al-Hijaz*, *Imam ulama al-Haramayn*, salah seorang *Fuqaha'* dan *Hukama al-Mutaakhirin* dan maha guru pada *Nasrul Ma'arif Diniyyah* di Makkah (Ensiklopedia Islam Indonesia, 1993 : 845). Prof.Dr.Hamka menyebut bahawa Shaykh Nawawi al-Banteni merupakan tokoh ulama besar diawal abad ke empat belas hijrah atau dipenghujung abad ke tiga belas. K.H DR. Idham Chalid pernah memuji beliau dengan menyatakan : karangan Shaykh Nawawi al-Banteni mencakupi seluruh bidang disiplin ilmu yang sangat diperlukan oleh umat Islam (Indonesia). Oleh itu, beliau berhak mendapat gelaran pujangga dunia (Chaidar, 1978 : VI).

## PENGENALAN KITAB *NASA'IH AL-'IBAD*

Kitab *Nasa'ih al-'Ibad* salah satu karya Shaykh Nawawi al-Banteni merupakan karya ilmiyah yang dikategorikan sebagai manuskrip kitab kuning dalam bidang keagamaan islam. Keistimewaan kitab ini tidak hanya terletak pada kedudukannya sebagai kitab kuning yang bertuliskan bahasa Arab yang merupakan syarahan kepada kitab *Munabbihat 'Ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* yang dikarang oleh Ibn Hajar al-'Asqalani, malahan juga karena ia digunakan sebagai bahan rujukan bagi mendidik masyarakat Islam di Nusantara khususnya Indonesia serta mampu bertahan dalam jangka waktu yang begitu lama. Buktiya semenjak dihasilkan pada hari khamis 21 Safar tahun 1314 H hingga kini, kitab ini masih disyarahkan dan diajar di masjid, surau, pondok pesantren dan halakah yang terdapat dipelosok Indonesia (Muhammad Nawawi Banteni, t.th). Kitab ini termasuk kategori kitab nasihat dan *Targhib wa Tarhib* yang berisikan nasihat-nasihat agama yang bersumber daripada al-Qur'an, hadis-hadis Nabi SAW, atsar para Sahabat dan kata-kata hikmah para hukama terkenal daripada pelbagai kalangan sama ada daripada ahli hadis, fiqh dan tasawuf. Kitab ini lebih banyak mengandungi hadis-hadis daripada Rasulullah SAW yang berjumlah lebih kurang 341 hadis baik ditulis dalam bentuk matan langsung ataupun ditulis dalam bentuk makna sahaja, dari pelbagai tingkat kesahihan hadis, pelbagai bentuk kaedah penulisan dan syarahan.

## METODOLOGI

Kajian artikel ini menggunakan metodologi kualitatif. Pendekatan metode kepustakaan digunakan untuk menganalisis hasil karya Shaykh Nawawi al-Banteni terutama berkaitan analisis terhadap hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad*. Pengumpulan data adalah metode yang paling umum untuk mendapatkan data atau fakta yang berkaitan dengan subjek kajian ini. Sumber primer kajian ini adalah kitab *Nasa'ih al-'Ibad* hasil penulisan Shaykh Nawawi al-Banteni sendiri. Manakala sumber sekunder pula ialah merujuk kepada buku-buku, jurnal, majalah, makalah-makalah serta sumber lain yang berkaitan.

## SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan tentang manhaj Shaykh Nawawi al-Banteni dalam mensyarahkan hadis-hadis kitab *Nasa'ih al-'Ibad* yang merupakan syarahan kepada kitab *Munabbihat 'Ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani.

## HASIL DAPATAN

Dapatan kajian tentang syarahan hadis daripada kitab *Nasa'ih al-'Ibad* akan dibentangkan dalam jadual berikut:

### **1.0 : Jadual dapatan kajian manhaj Shaykh Nawawi al-Banteni dalam mensyarahkan hadis-hadis kitab *Nasa'ih al-'Ibad* seperti di bawah ini.**

No	Aspek Perbincangan	Kitab <i>Nasa'ih al-'Ibad</i>
1	Aspek syarahen hadis secara <i>Ijmali</i> dan <i>Tahlili</i> , <i>Mugarin</i> .	Secara umumnya menggunakan kaedah syarahen hadis secara <i>Ijmali</i> .
2	Aspek pengaplikasian dalam mensyarah hadis.	Mengguanakan teknik interpretasi tekstual dan intertekstual.
3	Aspek teknik interpretasi tekstual.	Mensyarah hadis mengikut matan atau teks asal hadis.
4	Aspek teknik interpretasi intertekstual.	1.Menjelaskan perbezaan matan hadis dalam syarah hadis. 2.Mensyarahkan hadis dengan hadis. 3.Mensyarahkan hadis dengan perkataan ulama. 4.Mensyarahkan hadis dengan syair Arab.

## PERBINCANGAN

Dalam menyusun kitab syarah hadis, seorang penyusun tentu menggunakan pelbagai metode agar tujuan pensyarahannya tercapai dengan baik dan sempurna sehingga memudahkan bagi pembaca untuk memahami isi kandungan sesebuah hadis yang disyarah dan tidak tersalah maksud ketika membacanya. Secara Amnya para ulama menggunakan 3 metode dalam menyarah hadis iaitu **pertama** : metode *Tahlili*. *Tahlili* berasal daripada Bahasa Arab *Hallala-Yuhallilu-Tahlil* yang bermaksud menguraikan dan menganalisis. Namun yang dimaksud dengan *Tahlili* di sini ialah mengurai, menganalisis dan menjelaskan makna-makna yang terkandung dalam hadis Rasulullah SAW dengan memaparkan aspek-aspek yang terkandung di dalamnya sesuai dengan keahlian dan kecenderungan pensyarah. Dalam syarahan dan komentar, seorang pensyarah hadis mengikuti sistematika hadis sesuai dengan urutan hadis yang terdapat dalam kitab-kitab hadis yang dikenali sebagai *Kitab al-Sittah*. Pensyarah memulai penjelasannya dengan mengutarkan makna kalimat hadis secara berurutan. Uraian tersebut merangkumi pelbagai aspek yang terkandung dalam hadis seperti kosa kata, konotasi kalimat, *asbab al-Nuzul* (jika ada), hubungannya dengan hadis lain dan pendapat yang beredar disekitar pemahaman hadis tersebut sama ada yang berasal daripada sahabat, tabi'in maupun para ulama hadis (M. Alfatih Suryadilaga, 2012 : 19). Contoh kitab yang memakai metode *Tahlili* ialah *Fath al-Bari bi Syarah Sahih al-Bukhari* karya Ibn Hajar al-Asqalani, *Subul al-Salam* karya al-San'ani, *al-Kawakib al-Dirari fi Syarah al-Bukhari* karya Syamsu al-Din Muhammad bin Yusuf bin Ali al-Kirmani, *Kitab Syarah al-Zarqani 'Ala Muwatta' 'Ala Imam Malik* karya Muhammad bin Abd al-Baqi bin Yusuf al-Zarqani (M. Alfatih Suryadilaga, 2012 : 19). **Kedua** : metode *Ijmali* (global). Metode *Ijmali* adalah menjelaskan atau menerangkan hadis-hadis sesuai dengan urutan dalam kitab hadis yang terdapat dalam *Kitab al-Sittah* secara ringkas tetapi dapat mempersempit makna keseluruhan hadis dengan bahasa yang mudah difahami (Nizar Ali, 2011 : 52-53). Contoh kitab yang menggunakan metode ini ialah *Syarah al-Suyuti Li Sunan al-Nasa'i* karya Jalal al-Din al-Suyuti, '*Aun al-Ma'bud Syarah Sunan Abu Dawud*' karya Muhammad bin Asyrat bin Ali Haidar al-Siddiqi al-'Azim al-Abadi dan lain-lain (Nizar Ali, 2011 : 53). **Ketiga** : metode *Muqarin*. Metode *Muqarin* ialah metode memahami hadis dengan cara : 1) Membandingkan hadis yang memiliki matan yang sama dalam kes yang sama atau memiliki matan yang berbeza namun kesnya sama. 2) Membandingkan pelbagai pendapat ulama syarah hadis dalam mensyarah hadis. Daripada maksud di atas dapat diketahui bahawa memahami hadis dengan menggunakan metode *Muqarin* ini mempunyai cakupan yang cukup luas tidak hanya membandingkan hadis dengan hadis lain namun juga membandingkan pendapat para ulama dalam mensyarah sesuatu hadis (Nizar Ali, 2011 : 48). Contoh kitab yang menggunakan metode *Muqarin* ini ialah *Sahih Muslim bi Syarah al-Nawawi* karya Imam al-Nawawi, *Umdah al-Qari Syarah Sahih al-Bukhari* karya Badr al-Din Abu Mahmud bin Ahmad al-'Ayni dan lain-lain.

Daripada ketiga metode di atas, maka para ulama penyusun syarahan hadis akan mengacu kepada dua bentuk syarahan hadis iaitu *Syarah bi al-Ma'thur* dan *Syarah bi al-Ra'y*. Sebagai contoh syarahan yang mengikuti aliran analisis akan menggunakan metode analisis dalam penyusunan sayarahannya. Jika syarahan analisis ini memilih bentuk *Syarah bi al-Ma'thur* maka sayarahannya tetap pada analisis yang bersumberkan daripada riwayat. Ertinya pensyarah akan tetap berjalan selama riwayat masih dijumpai. Namun jika memilih *Syarah bi al-Ra'y* maka analisisnya sentiasa berjalan meskipun tidak ada riwayat yang menjelaskannya, kerana riwayat dalam *Syarah bi al-Ra'y* hanya memiliki fungsi sebagai legitimasi bagi suatu penjelasan bukan sebagai subjek berbeza dengan *Syarah bi al-Ma'thur* yang meletakkan riwayat sebagai subjek utama dalam syarahannya. Dilihat dan dianalisis daripada karya Shaykh Nawawi al-Banteni yang telah mencurahkan segala perhatiannya dalam penulisan syarah hadis terutama dalam kitab *Nasa'i al-'Ibad*. Dapat disimpulkan bahawa pensyarah hadis dalam kitab *Nasa'i al-'Ibad* secara amnya lebih cenderung kepada metode *Ijmali* iaitu menjelaskan makna hadis tersebut secara ringkas namun mencakup keseluruhan isi hadis dengan bahasa yang mudah dimengerti dan menarik untuk dibaca (Nasruddin Baidan, 2005 : 13). Sebagai contoh penggunaan metode *Ijmali* dalam syarahan hadis yang diguna pakai oleh Shaykh Nawawi al-Banteni dalam kitab *Nasa'i al-'Ibad* dapat dilihat dalam hadis di bawah ini (Muhammad Nawawi al-Bantani, t.th : 6) :

ما روی عن النبي صلی اللہ علیہ وسلم انه قال : (عليکم عجالة العلماء اي العاملين (واستماع کلام الحكماء) اي العالمين بذات الله تعالى المصبن في اقوالهم و افعالهم (فإن الله تعالى يحيي القلب الميت بنور الحكمة) اي العلم النافع (كما يحيي الأرض الميتة بماء المطر)

Maksudnya: Apa yang diriwayatkan daripada Nabi SAW, bahawa beliau bersabda : (wajib atas kamu untuk berhimpun dan bergaul bersama ulama) ertinya mengikut amalan mereka (dan dengar perkataan hukama') ertinya ulama-ulama yang mencari keredoan Allah sama ada melalui perkataan mahupun perbuatan mereka, (sesungguhnya Allah akan menghidupkan hati yang mati dengan cahaya hikmah) ertinya dengan ilmu yang bermanfaat (sebagai mana tanah yang kering disuburi oleh air hujan).

Shaykh Nawawi al-Banteni menjelaskan hadis di atas dengan syarahan yang ringkas dan global dengan kata-kata yang mudah dipahami oleh pembaca tanpa memerlukan penafsiran yang rumit dan berfikir lama. Penggunaan

metode *Ijmalī* oleh Shaykh Nawawi al-Banteni dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dengan alasan bahawa syarahan menggunakan metode tersebut ianya mudah dipahami, singkat dan padat sehingga pemahaman terhadap kosa kata yang terdapat dalam hadis lebih mudah dimengerti kerana Shaykh Nawawi al-Banteni menjelaskan maksudnya secara langsung tanpa mengemukakan idea-idea atau pendapatnya secara peribadi. Dalam pengaplikasiannya metode pensyiaran hadis yang dilakukan oleh Shaykh Nawawi al-Banteni dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* berpedoman kepada dua jenis interpretasi iaitu interpretasi secara tekstual dan intertekstual.

Pada dasarnya, interpretasi tekstual ialah memahami makna dan maksud sesebuah hadis hanya melalui matan hadis secara lahiriahnya sahaja (Nasaruddin Umar, 2008 : 21). Interpretasi tekstual didefinisikan oleh Dr. Arifuddin Ahmad dalam bukunya, *Paradigma Baru Memahami Hadis Nabi SAW* sebagai salah satu teknik memahami isi kandungan sesebuah hadis berdasarkan lafadz matan hadis semata mata, tanpa melihat kepada bentuk, waktu, *asab al-Wurud* dan kepada siapa hadis tersebut ditujukan bahkan tanpa memperhatikan dalil-dalil lainnya. Oleh itu setiap hadis yang dipahami secara tekstual biasanya bersifat universal (Arifuddin Ahmad, 2005 : 205). Di antara metode intepretasi tekstual yang terdapat dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* ialah **mensyarahkan hadis mengikut matan atau teks asal hadis**. Untuk contoh dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dapat dilihat dalam bab pertama (Muhammad Nawawi al-Bantani, t.th : 4) seperti hadis di bawah ini :

عن عبد الله بن عمرو بن العاص عن النبي صلى الله عليه وسلم انه قال : الراحمن يرحمهم الرحمن تبارك وتعالى ارحموا من في الأرض يرحمكم من في السماء.

Maksudnya : Daripada Abd Allah bin Amru bin al-Ash, daripada Nabi SAW : orang yang pengasih akan disayangi oleh Allah SWT oleh itu kasihilah makhluk yang ada di bumi maka kamu akan dikasih oleh makhluk yang ada di langit. Shaykh Nawawi al-Banteni menjelaskan maksud pengasih dan berkasisih sayang dalam hadis di atas adalah secara tekstual tanpa menyenggung teks atau riwayat lain sebagai penjelas. Syarahan hadis yang sangat ringkas tersebut hanya menjelaskan makna teks yang dianggap boleh multi interpretatif sehingga dalam hal pensyiaran Shaykh al-Nawawi al-Banteni hanya memaknai teks-teks tersebut dari aspek kebahasaan tanpa membandingkan dengan riwayat yang lain.

Aktiviti mensyarah hadis memiliki peranan penting dalam memberikan penjelasan terhadap naskah asal kitab dan juga huraian atau penafsiran yang disebut sebagai interpretasi. Syarahan tidak hanya berupa huraian dan penjelasan tentang isi kitab secara keseluruhan bahkan sebahagian isi kitab pun juga dianggap sebagai syarahan begitu juga dengan huraian terhadap suatu kalimat daripada sesebuah hadis tetap disebut sebagai syarahan. Syaikh Nawawi al-Banteni merupakan seorang yang fakih dalam bidang fekah dan syariat, mungkin itu yang melatar belakangi beliau untuk menggunakan metode interpretasi tekstual yang terdapat dalam kitab syarahnnya yang mana beliau menghuraikan dan menjelaskan makna hadis berdasarkan teks hadis yang ada dan menghubungkannya dengan ayat al-Quran, matan hadis lainnya, ataupun dengan kata-kata hikmah dan syair, agar ucapan, tindakan, dan ketetapan beliau dapat dimengerti sehingga terhindar daripada kesalahpahaman. Menurut penulis salah satu hujjah beliau dalam menggunakan metode interpretasi tekstual, boleh jadi kerana keyakinannya terhadap segala ucapan dan tingkahlaku Nabi Muhammad SAW berlandaskan kewahyuan, bahawa segala sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW merupakan wahyu. Sebagaimana Allah jelaskan di dalam firman-Nya surah al-Najm ayat 3-4 berbunyi :

وَمَا يَنْطَقُ عَنْ آفَوْيَٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۖ

Maksudnya : Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (samada al-Quran ataupun hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

Interpretasi intertekstual pula adalah interpretasi atau pemahaman terhadap matan hadis dengan memperhatikan hadis lain (*tanawwu'*), kata-kata hikmah, syair ataupun ayat-ayat al-Quran yang terkait dengannya. Dalam teknik ini metode pensyiaran yang digunakan oleh Shaykh Nawawi al-Banteni dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* ialah :

#### **Pertama : Menjelaskan perbezaan matan hadis dalam syarah hadis.**

Dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* Shaykh Nawawi al-Banteni menjelaskan makna hadis yang terdapat dalam kitab asal karangan Ibn Hajar, terkadang beliau menyebutkan perbezaan matan hadis tersebut, seperti hadis berikut :

لَا صَغِيرَةٌ مَعَ الْإِصْرَارِ وَلَا كَبِيرَةٌ مَعَ الْإِسْتَغْفَارِ (رواه الديلمي)

Maksudnya : Tidak ada dosa kecil selagi ianya dikerjakan terus menerus, dan tidak ada dosa besar selagi ianya beristighfar.

Dosa kecil yang sentiasa dikerjakan berterusan akan merubah menjadi dosa besar, begitu pula sebaliknya dosa besar yang pernah dilakukan jika bertaubat (taubah nasuha) akan ada harapan untuk diampunkan oleh Allah berbanding dosa kecil yang selalu dikerjakan. Hadis di atas disyarah dengan menggunakan riwayat daripada Ibn Abbas dengan menjelaskan letak perbezaan matan hadis. Ertinya matan hadis yang terdapat dalam kitab asal Ibn Hajar posisinya terbalik dengan apa yang terdapat dalam riwayat Ibn Abbas (Muhammad Nawawi al-Bantani, t.th : 5) sepertimana yang beliau jelaskan di bawah ini :

روي هذا الحديث عن ابن عباس لكن بتقديم الجملة الأخيرة عن الأول.

Maksudnya : Hadis ini diriwayatkan daripada Ibn Abbas akan tetapi kalimat terakhir itu diletakkan diawal.

#### Kedua : Mensyarahkan hadis dengan hadis.

Shaykh Nawawi al-Banteni banyak menggunakan hadis untuk mensyarahkan hadis dengan hadis yang lain dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad*. Contoh yang terdapat dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* ialah hadis tentang menjaga lisan sepertimana yang beliau syarahkan di bawah ini :

روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : أحب الأعمال إلى الله حفظ اللسان (رواوه البيهقي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : amalan yang paling dicintai oleh Allah SWT adalah menjaga lisan (lidah). Hadis di atas adalah tentang keutamaan menjaga lidah daripada perkataan yang tidak berfaedah ianya disyarahkan dengan hadis lain yang redaksi (bunyi) matannya agak berbeza namun maksudnya sama iaitu berbunyi :

روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : إن أكثر الناس ذنوبا يوم القيمة أكثرهم كلاما فيما لا يعنيه.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : sesungguhnya orang yang paling banyak dosanya pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak berbicara perkara yang tidak berfaedah (Muhammad Nawawi al-Bantani, t.th : 49).

#### Ketiga : Mensyarahkan hadis dengan perkataan ulama.

Untuk menguatkan hadis yang dinukil dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad*, beliau juga menggunakan perkataan ulama seperti dalam syarah hadis tentang zuhud di bawah ini :

روي عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال : الصبر ستر من الكروب وعون على الخطوب.

Maksudnya : Kesabaran adalah penutup daripada kesusahan dan pertolongan atas banyaknya permohonan. Beliau mensyarahkan hadis di atas dengan perkataan ‘Ali bin Abi Thalib (Muhamamad Nawawi al-Bantani, t.th : 54) di bawah ini :

وقال علي بن أبي طالب كرم الله وجهه : الصبر مطية لا تكتبو و القناعة سيف لا ينبو.

Maksudnya : Kesabaran adalah kenderaan seorang muslim yang tidak ada hujungnya (prosesnya terus menerus dilakukan). Sedangkan Qanaah adalah pedang yang tidak akan mengenai (tidak akan berakibat buruk).

#### Keempat : Mensyarahkan hadis dengan syair Arab.

Shaykh Nawawi al-Banteni juga menggunakan syair-syair Arab untuk menguatkan penjelasan hadis-hadis dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad*. Pensyaranan hadis menggunakan kaedah ini dapat dilihat ketika beliau mensyarahkan hadis tentang sifat bakhil (kedekut) di bawah ini :

روي عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال : طعام الجواد دواء وطعام البخيل داء وقال بعض الأدباء : البخيل ليس له خليل.

Maksudnya : Makanan orang mulia itu adalah ubat dan makanan orang bakhil itu adalah penyakit, berkata sebahagian ahli adab : bahawa orang bakhil (kedekut) tidak memiliki teman. Dalam mensyarahkan hadis di atas beliau mengutip syair Salih Ibn Abd al-Quddus (Muhammad Nawawi al-Bantani, t.th : 48) seperti yang tertera di bawah ini :

وقال صالح ابن عبد القدس من بحر الطويل :

ويظهر عيب المرء في الناس بخله ويستره عنهم جميعا سخاؤه

Maksudnya : Salih Ibn Abd al-Quddus berkata daripada kitab Bahr al-Tawil : Aib seseorang akan nampak di hadapan manusia kerana bakhilnya, itu semua akan tertutup kerana dermawannya.

#### KESIMPULAN

Shaykh Nawawi al-Banteni merupakan ulama dan cendekiawan Islam yang memiliki reputasi bertahap Internasional. Keilmuan dan kitab yang dimilikinya diakui di dunia khususnya Nusantara. Keaktifannya dalam menulis buku dan berkarya dalam pelbagai bidang disiplin ilmu amat patut diacungi jempol. Karya-karyanya

masih banyak diguna pakai di Asia Tenggara khususnya Indonesia dan menjadi rujukan hingga ke hari ini. Dalam kajian ini, penulis mendapatkan bahawa manhaj pensyarah hadis yang digunakan oleh Shaykh Nawawi al-Banteni dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* secara amnya adalah menggunakan metode *Ijmali*. Dalam pengaplikasiannya beliau menggunakan teknik interpretasi tekstual melalui kaedah mensyarah hadis mengikut matan atau teks asal hadis, dan intertekstual melalui kaedah menjelaskan perbezaan matan hadis dalam syarah hadis, mensyarahkan hadis dengan hadis, mensyarahkan hadis dengan perkataan ulama dan mensyarahkan hadis dengan syair Arab. Penggunaan manhaj yang dilakukan oleh Shaykh Nawawi al-Banteni ini menunjukkan bahawa beliau memiliki keahlian dalam ilmu hadis. Selain itu kajian ini juga dapat memberikan implikasi yang positif terhadap masyarakat di antaranya ialah: dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang manhaj pensyarah hadis dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* oleh Shaykh Nawawi al-Banteni. Kemudian ianya juga dapat digunakan secara praktikal dalam pengajaran dan amalan masyarakat Islam dimana sahaja berada terkhusus Indonesia kerana kitab *Nasa'ih al-'Ibad* ini digunakan secara meluas di pesantren dan pengajian pondok di sana.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
- Agus Sutopo. 2008. *Sumbangan Nawawi al-Bantani Dalam Bidang Hadis : Kajian Terhadap Kitab Tanqih al-Qawl*. Disertasi Majister. Jabatan al-Quran dan Hadis. Akademi Pengajian Islam, UM.
- Ahmad Amin. 1969. *Fajr al-Islam*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Arifuddin Ahmad. 2005. *Paradigma Baru Memahami Hadis Nabi : Refleksi Pemikiran Pembaruan Prof. Dr. Muhammad Syuhudi Ismail*. Cet. I. Jakarta: Renaisans.
- Asnawi. 1989. *Pemikiran Shaykh Nawawi Tentang Ayat Qada' dan Qadar Dalam Kitab Tafsirnya Marah Labib*. Tesis Sarjana. Jakarta: IAIN Syarif Hidayatullah.
- Bruinesen, Martin Van. 1415/1995. *Kitab Kuning (Pesantren dan Tarekat)*. Terjemahan. Bandung: Mizan.
- Chaidar. 1978. *Sejarah Pujangga Islam Shaykh Nawawi Banteni*. Jakarta: CV Sarana Utama.
- Ensiklopedia Islam Indonesia. 1993. Jakarta: Depdikbud Indonesia.
- Ensiklopedia Islam. 1994. Jakarta: PT, Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Ishak Haji Sulaiman. 1999. *Metodologi Penulisan Bulugh al-Maram Sebagai Kitab Hadis al-Ahkam*, Jurnal Usuluddin (10). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Johns, A.H. T.th. *Qur'anic Exegesis in the Malay Word*. T.tp: T.pt.
- Al-Kailani, Sayyid Munadir Ahsan. 2004. *Tadwin al-Hadits*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Karel, S.A. 1984. *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke 19*. Jakarta: Terjemahan Bulan Bintang.
- M. Alfatih Suryadigala. 2012. Metodologi Syarah Hadis Era Klasik Hingga Kontemporer, Potret Kontruksi Metodologi Syarah Hadis. Yogyakarta: Suka-Press UIN Sunan Kalijaga.
- Muhammad Abu Zahwu. 1984. *Hadis wa al-Muhadditsun*. Riyad: Syirkah al-Taba'ah al-Arabiyyah al-Su'udiyyah.
- Muhammad Mustafa al-Azami. 1995. *Memahami Ilmu Hadis; Telaah Metodologi dan Literatur Hadis*, diterjemahkan oleh Meth Kiereha, *Studies in Hadis Methodology and Literature*. Jakarta: Lentera.
- Muhammad Nawawi al-Banteni. T.th. *Nasa'ih al-'Ibad Fi Bayan Alfaz Munabbihat 'Ala al-Isti'dad li Yaum al-Ma'ad*. Indonesia: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Nasaruddin Umar. 2008. *Deradikalisisasi Pemahaman Al-Qur'an dan Hadis*. Jakarta: Rahmat Semesta Center.

- Nasruddin Baidan. 2005. Metodologi Penafsiran al-Qur'an. Jogjakarta: Pustaka Pelajar.
- Nizar Ali. 2011. *Memahami Hadis Nabi Metode dan Pendekatannya*. Yogyakarta: IDEA Press.
- Rafi'uddin Ramli. T.th. *Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi Banten*. Banten: Yayasan Nawawi Tanara.
- Siti Aisyah. 2011. *Kontribusi Imam al-Bukhari dalam Validasi Hadis*. Makassar: Alauddin University Press.
- Yusuf 'Allan Sarkis. T.th. *Mu'jam al-Matbu'ah al-'Arabiyyah wa al-Mu'arrabah*. al-Qahirah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Yusuf al-Qaradawi. 1996. *Seleksi Hadis-hadis Sahih Tentang Targhib dan Tarhib karya Imam al-Munziri*. Jakarta: Rabbani Press.